



JURNAL LINGUISTIK Vol. 21 (2) Disember 2017(001-014)

Refleksi Dualisme ‘Durian-Timun’ Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif

Julaina Binti Nopiah¹
julainanopiah@gmail.com

Nor Hashimah Binti Jalaluddin²
shima@ukm.edu.my

Junaini Binti Kasdan¹
junaini@ukm.edu.my

1. Institut Alam dan Tamadun Melayu
2. Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa

Abstrak

Konsep dualisme sering kali dibahaskan dalam ruang lingkup yang pelbagai seperti dualisme agama, dualisme pendidikan, dualisme pembangunan negara dan dualisme ekonomi. Pengamatan terhadap pengalaman hidup menjadikan masyarakat Melayu pada masa lalu lebih peka terhadap persekitarannya, sama ada yang bersifat positif atau negatif, bahkan yang bersifat natural atau duaan. Dalam peribahasa Melayu, konsep dualisme wujud berdasarkan penilaian orang Melayu pada masa lalu terhadap sifat dan tingkah laku orang di sekelilingnya, objek dan imej yang mereka lihat, rasa dan dengar, yang lazimnya bersumberkan alam. Sebanyak 37 peribahasa yang dijana dari pangkalan data www.malaycivilization.com UKM dan *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* didapati mengandungi elemen dualisme. Daripada 37 data yang dikenal pasti, sebanyak 16% peribahasa adalah daripada kombinasi ‘durian-timun’. Kajian ini mengaplikasikan Pendekatan Semantik Inkuisitif, di samping pengaplikasiann Rangka Rujuk Silang (RRS) terhadap data korpus. Berdasarkan analisis yang dilakukan, peribahasa yang berasaskan gandingan objek ‘durian-timun’ menunjukkan unsur pertentangan bagi maksud yang disampaikan. Perbezaan struktur fizikal kedua-dua buah ini menyebabkan masyarakat Melayu merefleksikan pertentangan kuasa (kuat-lemah) bagi gandingan ‘durian-timun’. Gabungan data, teori, falsafah dan budaya yang diaplikasikan dalam kajian, telah berjaya menghasilkan huraian makna kiasan Melayu yang akhirnya menetengahkan akal budi penuturnya.

Kata kunci: *dualisme, peribahasa, akal budi, pendekatan semantik inkuisitif, rangka rujuk silang (rrs)*

Reflection Dualism Of ‘Durian-Timun’ (Cucumber-Durian) In Malay Proverbs: A Semantic Inquisitive Approach

Abstract

The concept of dualism is often discussed in a wide scope such as dualism in religion, dualism in education, dualism in country development, and dualism in the economy. The observation towards life experiences made the Malay society of the past more sensitive towards their surroundings, whether in a positive or negative light, as well as in a natural or dualism way. In Malay proverbs, the concept of dualism exists based on the assessment of the Malays of the past towards the nature and attitudes of those around them; the objects and

images that they have seen, felt and heard; and commonly for objects based on the environment. A total of 37 proverbs generated from the UKM www.malaycivilization.com database and the Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (Special Dictionary of Malay Proverbs) contained elements of dualism. From the 37 data identified, 16% of the proverbs were from the combination of the 'durian-timun' (cucumber-durian). This study applied the semantic inquisitive approach, as well as the application of the Bridging Cross Reference (BCR) towards the corpus data. Based on the analysis, proverbs based on coupling object 'durian-timun' showed elements of opposition towards the meaning that was delivered. The physical structural differences of both these fruits caused the Malay society to reflect on the opposing forces (strong-weak) for the 'durian-timun'. The merging of data, theory, philosophy and culture applied in the study had successfully produced a description of the Malay metaphorical meaning that ultimately reflects the Malay mind.

Keywords: *dualism, proverb, malay mind, semantic inquisitive approach, bridging cross reference (bcr)*

1. Pengenalan

Perumpamaan yang terzahir daripada minda dan pemikiran Melayu membuktikan bahawa masyarakat Melayu sememangnya peka terhadap apa yang berlaku di sekeliling mereka. Melalui peribahasa, pemikir Melayu dapat menyampaikan pandangan hidupnya tentang peri pentingnya pengalaman serta ilmu pengetahuan. Menurut Tenas Effendy (2003), peri pentingnya peribahasa hanya akan dapat difahami apabila kita dapat memahami maknanya, dan makna tersebut hanya dapat difahami, sekiranya kita dapat memahami lambang atau simbol yang menjadi inti dalam peribahasa tersebut. Falsafah dan akal budi yang terselindung di sebalik peribahasa jelas menunjukkan betapa luasnya ilmu dan pemikiran leluhur Melayu sehingga mampu menyusun tatatertib hidup sehingga masih wajar digunakan sehingga ke hari ini.

Nor Hashimah (2014) menegaskan bahawa dalam ilmu linguistik, terutamanya dalam bidang semantik, satu fenomena yang boleh menimbulkan persoalan berkaitan ungkapan, khususnya peribahasa adalah perkaitan antara penggunaan lambang dan maknanya. Ungkapan ini sarat dengan nilai, falsafah, serta mampu menunjukkan keintelektualan dan kekayaan budaya ahli masyarakat sesuatu bangsa. Menurut Ismet Fanany dan Rebecca Fanany (2003):

“All true proverbs are metaphorical. They require that their users and hearers make a connection between the proverb and some situation in life to which its images refer...proverbs are highly culture specific and must be studied in terms of usage as well as structure and meaning. The images that proverbs contain are in themselves interesting and tell a great deal about the culture to which they belong. In fact, proverbs have been studied and analysed as a body of work encompassing the world view of their users.”

Salah satu perkaitan antara penggunaan lambang (objek) dan makna yang boleh dilihat dalam peribahasa Melayu adalah melalui elemen dualisme. Konsep dualisme sering kali dibahaskan dalam ruang lingkup yang pelbagai seperti dualisme agama, dualisme pendidikan, dualisme pembangunan negara dan dualisme ekonomi. Pengamatan terhadap pengalaman hidup menjadikan masyarakat Melayu pada masa lalu lebih peka terhadap persekitarannya, sama ada yang bersifat positif atau negatif, bahkan yang bersifat natural atau duaan. Dualisme bermaksud "...keadaan apabila wujud dua sifat yang ketara saling bertentangan (KD4 2005). Dalam peribahasa Melayu, konsep dualisme wujud berdasarkan penilaian orang Melayu pada masa lalu terhadap sifat dan tingkah laku orang di sekelilingnya, objek dan imej yang mereka lihat, rasa dan dengar, yang lazimnya bersumberkan alam. Contohnya, 'langit' dan 'bumi', 'hitam' dan 'putih' atau 'laut' dan 'pantai'. Justeru artikel ini akan mendedahkan dan menjelaskan elemen dualisme yang terdapat dalam beberapa data peribahasa Melayu, khususnya yang menggunakan unsur gabungan 'timun' serta 'durian' sebagai objek.

2. Pengkajian Peribahasa

Kajian tentang bahasa kiasan khususnya peribahasa telah menarik minat sarjana tempatan untuk menyelidikinya. Walaupun banyak kajian berkaitan peribahasa Melayu telah dijadikan teras penelitian, namun penulis merasakan masih terdapatnya ruang kajian yang masih boleh diberikan perhatian. Justeru, kajian ini diusahakan bagi menutup kelompangan kajian yang sedia ada. Berdasarkan pemerhatian dan penilaian autentik, penulis membahagikan permasalahan kajian ini kepada tiga kelompok iaitu kajian deskriptif, kajian kognitif serta kajian kognitif dan akal budi Melayu. Kajian Abdullah Hasan (1993), Indirawati (1998), Nathesan, S. (1998), Salinah (2005), Goddard, C. (2009) dan Ahmad Fuad Mat Hassan & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2010) bolehlah ditafsirkan sebagai kajian deskriptif kerana kesemua kajian membahaskan serta membincangkan peribahasa pada peringkat permukaan sahaja. Kajian yang memberikan pengkhususan terhadap pengkategorian dan pengelasan peribahasa. Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan oleh ialah Charteris Black (2000), Imran Ho (2011), Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad (2011), Rogayah Osman (2011) dan Hasmidar Hassan & Jafizah Jaafar (2016) menunjukkan kemajuan dalam ilmu semantik dengan menyingkap kognitif penuturnya serta membuat penelitian terhadap hubungan bahasa, makna dan pemikiran.

Berbeza dengan kajian-kajian sebelum ini, fokus penelitian oleh Hassan Ahmad (2003) dan Nor Hashimah (2014) dilihat telah membuat inovasi kepada kajian kognitif dengan menggabungkan konsep akal budi dalam kajian mereka. Kejayaan Hassan Ahmad (2003) menjelaskan ‘kaki’ yang digunakan dalam metafora Melayu sebagai simbol (+kekuatan) menunjukkan kajian pada peringkat ini adalah lebih baik berbanding kajian pada peringkat kognitif seperti yang dilakukan oleh Charteris-Black (2000). Black menjelaskan ‘kaki’ bagi masyarakat Melayu merujuk kepada sesuatu yang bersifat negatif. Penelitian Black yang bersandarkan maklumat korpus dan sedikit penjelasan daripada penutur jati kurang dapat menyelami maksud sebenar ‘kaki’. Ia terhenti setkat makna di peringkat kognitif. Kegagalan kajian tersebut, seterusnya telah menunjukkan bahawa semantik kognitif juga gagal mencapai tafsiran makna tahap tertinggi sehingga membawa kepada tafsiran akal budi Melayu. Ekoran daripada kelompangan ini, Nor Hashimah (2014) dan Julaina et. al (2017) telah menambah satu lagi tahap dalam penghuraian makna dalam bidang semantik, iaitu melalui pendekatan inkuisitif yang berjaya menjawab setiap persoalan yang wujud, serta mampu menerobos sehingga ke peringkat falsafah dan akal budi. Pengkategorian kajian-kajian peribahasa secara visualnya boleh dilihat menerusi rajah 1 berikut.



Rajah 1 Pengkategorian kajian peribahasa

Justeru, kajian ini secara umumnya bertujuan mengukuhkan kajian semantik inkuisitif dan seterusnya berusaha melihat kehebatan masyarakat Melayu pada masa lalu, yang bijak mencatur perkataan sehingga terbentuknya peribahasa yang mengandungi pelbagai falsafah dan akal budi yang tersembunyi seandainya diamati dengan teliti. Secara khusus, kajian ini bertujuan mengenal pasti elemen dualisme di sebalik objek berpasangan ‘durian-timun’ yang terdapat dalam peribahasa Melayu berasaskan tatacara pendekatan semantik inkuisitif.


3. Pengumpulan dan Penganalisan Data

Berdasarkan pemilihan data yang dilakukan, penulis mengenal pasti 37 peribahasa yang mengandungi elemen dualisme. Unsur-unsur ini kemudiannya dikumpulkan mengikut domain tertentu, seperti domain sifat, domain hubungan, domain pengalaman dan domain nasib. Daripada 37 peribahasa yang dikenal pasti, sebanyak 9 (23%) peribahasa mengandungi kombinasi objek ‘asam-garam’, 7 (18%) peribahasa mengandungi kombinasi ‘padi-lalang’, 5 (13%) peribahasa mengandungi kombinasi objek ‘cempedak-nangka’, 6 (16%) daripada kombinasi ‘durian-timun’, 4 (10%) mengandungi kombinasi ‘aur-tebing’ dan ‘buku-ruas’, serta selebihnya 2 (5%) peribahasa mengandungi kombinasi ‘ubi-gadung’ dan ‘durian-manggis’. Peratusan tersebut dipaparkan dalam rajah 2 yang berikut:



Rajah 2 Kekerapan elemen dualisme dalam peribahasa

Kajian ini memanfaatkan pendekatan semantik inkuisitif, iaitu pendekatan yang berasaskan semangat ingin tahu serta dorongan untuk terus meneroka dan mencari jawapan kepada perkara sebenar yang dimaksudkan oleh sesuatu ungkapan (Nor Hashimah 2014). Semantik inkuisitif mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Bagi menghuraikan makna peribahasa dengan lebih lanjut, peribahasa yang berkaitan akan dianalisis menggunakan rangka rujuk silang (RRS) yang diperkenalkan oleh Kempson (1986) sebagai pengukuhan kepada teori Relevans. Gabungan RRS dengan maklumat budaya mendalam mampu menghasilkan penghuraian makna kiasan Melayu. Rajah 3 yang berikut menunjukkan carta aliran tahap-tahap yang terlibat dalam proses penganalisan data menggunakan pendekatan semantik inkuisitif seperti yang dikemukakan oleh Nor Hashimah (2014).



Rajah 3 Aliran proses penganalisisan data menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.

4. Analisis Perbincangan

Dalam bahagian ini, penulis membataskan ruang lingkup kajian kepada satu kombinasi objek yang melibatkan elemen dualisme, gabungan objek 'durian' dan 'timun'. Dualisme bagi objek padi-lalang, nangka-cempedak, dan asam-garam perbah dibincangkan sebelum ini (Julaina, Nor Hashimah dan Junaini 2017). Terdapat tiga tahap perbincangan yang ditandai dengan tahap 1, tahap 2 dan tahap 3. Seperti yang terdapat dalam gambaran visual rajah 3.0, analisis bagi tahap 1 merupakan perbincangan bagi pemaparan data, serta penghuraian yang dilakukan hanya tertumpu pada peringkat harfiah semata-mata. Perbincangan tahap 2 pula merujuk kepada analisis pada peringkat kognitif. Pada bahagian ini, gambaran kognitif serta pendekatan RRS dilakukan terhadap data korpus. Perbincangan tahap 3 pula akan menjawab mengapa berlakunya dualisme di sebalik objek 'durian-timun' serta menyerlahkan falsafah dan akal budi Melayu di sebalik peribahasa tersebut. Bagi tujuan analisis dan perbincangan, hanya satu peribahasa akan dikemukakan bagi mewakili elemen dualisme yang dikemukakan.

Berdasarkan hasil janaan data, jadual 1 berikut merupakan peribahasa-peribahasa yang didapati menggunakan kombinasi objek 'durian-timun' dalam peribahasa beserta domain yang diwakili.

Jadual 1 Peribahasa yang mengandungi elemen dualisme objek 'durian-timun'

Peribahasa	Makna	Domain
Bagai durian dengan mentimun	Orang yang berkuasa mudah mengalahkan orang lemah.	Kuasa
Macam timun dengan durian :mengelek luka, kena gelek pun luka.	Perlawanan yang tidak seimbang (orang kecil melawan orang yang berkuasa).	Kuasa
Durian berlaga dengan mentimun .	Orang yang berkuasa mudah mengalahkan orang yang lemah.	Kuasa
Durian seambung dengan timun	Orang suka mengkhianati orang yang lemah dan baik sehingga menyusahkan mereka.	Kuasa
Mentimun dengan durian .	Orang yang berpangkat rendah	Kuasa

	sentiasa salah jika berketuakan orang yang zalim.	
Umpama durian dengan timun , menggolek rosak, kena golek binasa	Orang yang lemah tidak boleh melawan orang yang kuat kerana baik buruknya orang yang lemah itu yang akan beroleh binasa.	Kuasa

Kombinasi durian dan timun dalam peribahasa Melayu bukanlah sesuatu yang luar biasa didengari, terutamanya apabila menyentuh berkaitan penindasan, pengaruh dan kuasa. Berdasarkan data yang diperolehi, penulis mendapati majoriti domain makna bagi peribahasa gabungan objek durian-timun ialah domain kuasa. Peribahasa yang terkandung dalam jadual 1, merupakan contoh peribahasa Melayu yang menggunakan kombinasi objek 'padi' dan 'durian' sebagai objek perlambangan. Merujuk jadual 1, peribahasa '*bagai durian dengan mentimun*' telah didefinisikan sebagai 'orang yang berkuasa mudah mengalahkan yang lemah'. Peribahasa '*macam timun dengan durian: menggelek luka, kena gelek pun luka.*' pula membawa maksud 'Perlawanan yang tidak seimbang (orang kecil melawan orang yang berkuasa)'. Peribahasa '*durian berlaga dengan timun*' membawa maksud 'Orang yang berkuasa mudah mengalahkan orang yang lemah', peribahasa '*durian seambung dengan timun*' membawa maksud 'Orang suka mengkhianati orang yang lemah dan baik sehingga menyusahkan mereka', peribahasa '*mentimun dengan durian*' membawa maksud 'Orang yang berpangkat rendah sentiasa salah jika berketuakan orang yang zalim', manakala peribahasa '*umpama durian dengan timun, menggolek rosak, kena golek binasa*' pula mendukung makna harfiah 'Orang yang lemah tidak boleh melawan orang yang kuat kerana baik buruknya orang yang lemah itu yang akan beroleh Bagi tujuan menganalisis hanya peribahasa '*bagai durian dengan mentimun*' dipilih.

Analisis Tahap 1


Berdasarkan jadual 1, secara harfiahnya, peribahasa '*bagai durian dengan mentimun*' membawa maksud 'orang yang berkuasa mudah mengalahkan orang lemah'. Peribahasa ini selain menggunakan kombinasi objek 'durian' dan 'timun' sebagai perlambangan, kombinasi kedua-dua objek ini turut menunjukkan analogi, yang dipengaruhi oleh pertentangan fizikal. Analogi perbandingan yang dibariskan melalui peribahasa ini dilihat sangat bersesuaian dengan makna yang telah diberikan. Secara mudahnya, bolehlah dikatakan, peribahasa ini dizahirkan daripada sifat fizikal kedua-dua objek ini. Sifat durian yang keras dan berduri telah direfleksikan sebagai 'orang yang berkuasa', manakala sifat timun yang lembut dan licin di permukaan kulitnya telah direfleksikan sebagai 'orang yang lemah'.

Analisis Tahap 2

Durian dan timun (mentimun) merupakan makanan yang tidak asing lagi bagi masyarakat Melayu. Buah durian merupakan raja segala buah (Suranant, S. & Saichol, K 2001), manakala timun pula terkenal sebagai salah satu daripada ulam-ulaman, jeruk, ramuan masakan dan sebagai bahan kosmetik (Iskandar 2015). Buah durian (*Durio zibenthilus Murr*) merupakan sejenis buah yang bermusim yang sangat popular di Asia Tenggara. Di Malaysia, penanaman durian telah dijalankan secara intensif dan secara komersial. Kawasan utama penanaman adalah di Perak, Kedah, Kelantan dan Pahang. Rasa buah durian yang enak dan lemak menyebabkan ramai yang menggemari buah ini. Durian bukan sahaja boleh dimakan begitu sahaja, tetapi boleh juga dijadikan pengat dan dimakan bersama-sama pulut dan santan.

Timun atau mentimun (*Cucumis sativus*) pula merupakan sejenis tumbuhan yang tumbuh menjalar atau memanjat (Hean Chooi Ong 2003). Buah timun akan bewarna hijau, dengan larikan yang bewarna putih apabila masih muda, manakala akan berubah menjadi warna hijau pucat seakan warna putih apabila sudah tua. Bagi masyarakat Melayu, timun kebiasaannya dimakan sebagai ulam dan dimakan bersama-sama sambal belacan. Timun juga boleh dijadikan sebagai acar serta salah boleh dijadikan sebagai jeruk. Kadangkala timun juga dijadikan sayur dalam masakan.

Terdapat beberapa proses kognitif yang berlaku dalam pemikiran masyarakat Melayu dalam memotivasikan peribahasa ‘bagai mentimun dengan durian’. Perbezaan fizikal yang ketara antara kedua-dua objek ini merupakan faktor utama yang menyebabkan masyarakat Melayu mengabstraksi peribahasa ini sebagai ‘pertentangan kuasa iaitu antara kuasa yang dominan (kuat) dan kuasa yang lemah. Rajah 4 merupakan gambaran yang lebih jelas tentang proses yang memotivasikan kognitif penutur Melayu dalam mencipta peribahasa ini.



Rajah 4 Gambaran proses kognitif peribahasa ‘bagai mentimun dengan durian’

Berdasarkan gambar rajah 4, terdapatnya beberapa proses kognitif yang memotivasikan penciptaan peribahasa ‘bagai mentimun dengan durian’. Peribahasa ini secara jelas dimotivasikan daripada perbezaan ‘fizikal’ luaran kedua-dua objek. Walaupun kedua-dua buah ini sangat sinonim dengan budaya makanan masyarakat Melayu, namun perbezaan ketara antara durian dan timun, menyebabkan masyarakat Melayu pada masa lalu menjadikan kedua-dua objek ini sebagai elemen perbandingan dalam peribahasa. Penilaian masyarakat Melayu terhadap aspek fizikal buah timun menyebabkan mereka menganalogikannya sebagai sesuatu yang lemah. Timun memiliki kulit luaran yang nipis, permukaan yang licin serta mempunyai isi yang berair dan lembut. Sifat ini sangat bertentangan dengan durian, yang mana buah ini memiliki permukaan kulit yang tebal, keras dan berduri tajam di permukaannya. Selain itu isi durian juga dilindungi oleh pangsa-pangsa yang menyebabkan buah ini tidak mudah rosak. Buah durian juga memiliki saiz yang jauh lebih besar jika hendak dibandingkan dengan timun. Buah durian memiliki berat antara 1.0-4.5 kg sebiji (Zainal Abidin & Zabedah 1999) berbanding timun yang hanya memiliki berat 335-340 sebiji (Hean Chooi Ong 2003). Sifat fizikal durian, di samping memiliki rasa yang unik dan mengeluarkan aroma yang kuat menyebabkan buah ini digelar sebagai ‘raja segala buah’ (Zainal Abidin & Zabedah 1999). Pemerhatian terhadap fizikal kedua-dua objek ini (durian dan timun) menyebabkan masyarakat Melayu menganalogi pertentangan kuasa terhadap peribahasa yang berasaskan kombinasi objek durian dan timun. Sifat fizikal durian yang tebal, keras dan mempunyai duri yang tajam menyebabkan

ia dianalogikan sebagai ‘orang yang berkuasa’. Sebaliknya, sifat permukaan kulit timun yang licin dan nipis menyebabkan ia dianalogikan sebagai ‘orang yang lemah’.

Pembuktian linguistik yang ditemui melalui data korpus, turut menyerlahkan penggunaan kombinasi durian dan timun yang berkonsepkan ‘pertentangan kuasa’. Berikut merupakan contoh data korpus bagi peribahasa yang bersumberkan ‘durian’ dan ‘timun’ yang menyerlahkan ‘kuasa’ sebagai teras maknanya.

(i) Apabila perhubungan antara manusia itu disebut seolah-olah *****seperti timun dengan durian*****, maka bererti perhubungan itu adalah di antara dua pihak yang tidak sama kuat, dan tindih-menindih di antara kedua itu akan hanya merosak bahkan menghancurkan timun atau yang lemah itu.

(ii) Pak Uda tak boleh memberi ulasan mengenai hal itu," Pak Uda Omar mengatakan. "Cuma yang jelas, kita ini timun dan mereka durian. Kalau *****timun melawan durian*****, tentulah timun akan kalah. Durian, apa pada durian, durinya kasar!"

Sumber: (sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/)

Berdasarkan ayat (i), leksikal ‘lemah’ dan ‘perhubungan’ bersama-sama frasa dua ‘pihak yang tidak sama kuat’, ‘tindih-menindih’, ‘hanya merosak’ dan ‘menghancurkan timun’ merupakan maklumat tambahan yang telah dirujuksilangkan dengan peribahasa ‘seperti dengan timun’. Situasi ayat ini jelas menunjukkan perhubungan dua pihak yang berbeza taraf atau darjat iaitu menekankan ‘pihak yang kuat’ dan ‘pihak yang lemah’. Walaupun peribahasa ini tidak mempunyai antededan yang nyata, namun pendengar/pembaca dapat memahami ayat ini seandainya memahami konsep analogi timun dan durian yang digunakan di dalam ayat. Dalam situasi ayat (i), secara jelasnya menunjukkan timun merupakan perlambangan bagi sifat ‘lemah’. Pengetahuan ensiklopedia pendengar/pembaca akan membekalkan maklumat umum, gambaran atau ciri-ciri buah durian yang mempunyai sifat yang lebih dominan. Ciri-ciri buah durian yang keras dan berduri tajam yang terdapat dalam entri ensiklopedia pendengar/pembaca akan membantu mereka menginterpretasi ‘durian’ sebagai kuasa atau sifat yang ‘kuat’.

Situasi ayat (ii) menunjukkan dialog yang mengutarakan konsep perbandingan. Dalam situasi tersebut, penutur yang mewakili kelompoknya telah menganalogi pihaknya sebagai ‘timun’, manakala pihak yang bertentangan dengannya telah dianalogikan sebagai ‘durian’. Dalam konteks ini, timun telah dirujuksilangkan dengan leksikal ‘kalah’. Ciri-ciri ‘duri’ yang dimiliki oleh buah durian telah dianalogikan sebagai sifat yang kuat dan merujuk kepada pihak yang berlawanan dengan mereka. Seperti ayat (i), situasi gambaran kepada analogi ayat ini juga boleh dikatakan mudah untuk difahami seandainya pihak pendengar mempunyai maklumat terhadap kedua-dua objek yang telah dianalogikan di dalam entri ensiklopedia. Ciri-ciri khas buah durian yang diperoleh daripada maklumat ensiklopedia akan membantu mereka menginterpretasi durian sebagai pihak yang kuat, manakala timun pula sebagai pihak yang lemah.

Analisis Tahap 3

Walaupun huraian kognitif dapat memberikan jawapan bagaimana masyarakat Melayu pada masa dulu mengabstraksi sesuatu objek yang konkrit kepada abstrak, namun satu persoalan yang timbul ialah mengapa masyarakat Melayu memilih kombinasi ‘durian’ dan ‘timun’ bagi menunjukkan konsep pertentangan kuasa? Penciptaan peribahasa oleh masyarakat Melayu bukanlah dibuat

sewenang-wenangnya, tetapi terhasil daripada ketelitian dan ketajaman minda mereka terhadap sesuatu kejadian.

Timun merupakan merupakan sayuran yang sangat popular di Malaysia. Ia termasuk dari sayuran jenis buah dan dipercayai berasal dari timur India (Anon 2011). Berbanding buah durian, timun memiliki isi buah yang lembut sehingga boleh dimakan atau dikunyah begitu sahaja. Struktur permukaan kulit timun pula adalah nipis, lembut dan berkilat. Timun termasuk tanaman semusim (*annual*) yang bersifat menjalar atau memanjat. Pokok timun berupa batang lunak dan berair, berbentuk pipih, mempunyai bulu-bulu halus serta berwarna hijau segar. Panjang atau tinggi tanaman dapat mencapai 50-250 cm, bercabang dan bersulur serta tumbuh di sisi tangkai daun (Hean Chooi Ong 2003). Struktur isi buah timun adalah lembut dan mengandungi banyak air. Dalam buah timun dipenuhi oleh biji-biji halus yang lembut. Ciri-ciri fizikal timun yang lembut dan berair serta memiliki lapisan permukaan kulit yang nipis dan licin menyebabkan buah atau sayuran ini bersifat mudah rosak dan diberikan perumpamaan sebagai 'orang yang lemah' dalam peribahasa Melayu.

Durian pula berasal dari Borneo atau Semenanjung Malaysia. Nama genus *Durio* merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Melayu iaitu 'duri'. Buah durian yang mempunyai rasa yang unik, beraroma kuat serta tiada menyerupai buah lain, menyebabkan buah ini digelar sebagai '*raja segala buah*' atau '*king of the fruit*'. Jika diperhatikan struktur buah durian, durian memiliki kulit yang tebal, keras, berduri tajam dan besar. Buah durian berbentuk bulat membujur dan memiliki panjang sehingga 20-25 cm. Struktur isi buah durian yang berwarna kuning atau jingga sudah pasti menjadi 'penarik' bagi para penggemar buah ini. Pokok durian pula merupakan sejenis pokok buah tropika yang bersaiz besar yang mencapai ketinggian sehingga 45 meter. Pokok durian juga boleh mencapai jangka hayat yang lama iaitu antara 80 hingga 150 tahun (Zainal Abidin & Zabedah 1999). Ciri-ciri fizikal buah durian yang keras dan berduri menyebabkan alat seperti sebilah pisau atau parang digunakan untuk membukanya. Kerana ketajaman duri-duri buah ini juga, menyebabkan kain diperlukan untuk memegang buah durian. Ciri-ciri ini menyebabkan buah ini memiliki fitur [+dominan] dan [+kuat] pada mata kasar masyarakat Melayu. Sifat duri yang tajam pada permukaan kulit durian menyebabkan ia boleh 'melukakan' individu atau 'merosakkan' objek yang bergesel dengannya. Ciri-ciri yang dimiliki oleh buah ini, telah diaplikasikan kepada orang yang mempunyai 'kuasa' atau 'pengaruh' yang besar. Sikap 'salah guna kuasa' menyebabkan individu atau pihak yang berpengaruh bertindak untuk 'menindas' pihak yang lemah. Pemerhatian yang tinggi terhadap sesuatu sifat alam flora menyebabkan kewujudan perumpamaan 'durian' dan 'timun' yang dikiaskan dalam peribahasa Melayu.

Dalam satu penyelidikan yang berhubung kajian gender sastera, hubungan 'durian' dan 'timun' telah dilambangkan sebagai perbezaan dua gender (Norhayati & Free Hearty 2016). Pertentangan bagi unsur pemakanan bagi kedua-dua buah ini iaitu durian memiliki unsur panas, manakala timun pula dikategorikan sebagai makanan yang berunsur sejuk, menyebabkan masyarakat mentafsirkan durian sebagai 'lelaki', manakala timun pula mewakili gender 'perempuan'. Sifat timun yang lembut dan berair telah melambangkan sifat perempuan yang sensitif dan dianggap lemah. Sementara itu, sifat fizikal buah durian yang berduri, keras, tajam serta susah untuk dibuka telah diumpamakan sebagai seorang lelaki yang lazimnya memiliki sifat yang kuat, teguh serta mempunyai sistem ketahanan diri yang lebih. Perwakilan gender yang digambarkan dalam kajian tersebut, membuktikan bahawa masyarakat secara umumnya mengadaptasi unsur makanan serta ciri-ciri yang terkandung dalam buah-buahan bagi menjelaskan makna perbezaan dua jantina iaitu perempuan dan lelaki.

Buah durian mengandungi 17-36 % karbohidrat, 2.0-3.3 % protein, 1.2-4.9% lemak serta mengandungi karotena, vitamin dan mineral. Jadual 2 berikut merupakan kandungan zat makanan bagi setiap 100 g buah durian (Zainal Abidin & Zabedah 1999).

Jadual 2 Kandungan Zat Makanan dalam Buah Durian

Kandungan Zat Makanan	Jumlah
Protein (g)	2.7
Lemak (g)	3.4
Karbohidrat (g)	27.9
Ca (mg)	40
Fe (mg)	1.9
Vit. A (mg)	150
Vit C (mg)	23.3

Oleh sebab buah durian mengandungi zat makanan karbohidrat dan lemak, maka, buah ini tidak boleh dimakan terlalu banyak kerana menyebabkan badan menjadi 'panas'. Pengambilan sebanyak 100 g adalah memadai kerana kandungan zat makanan yang dimiliki. Pengambilan durian yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit jantung. Kandungan alkohol dan kolesterol yang tinggi dalam buah durian menyebabkan kadar denyutan jantung yang laju (Sarah Syakira 2016). Terdapat satu kajian yang dilakukan bagi melihat kesan memakan buah durian terhadap tekanan darah tinggi dan denyutan jantung. Kajian tersebut menggunakan lelaki yang sihat sebagai subjek kajian. Sebanyak 500 g isi durian diberikan kepada subjek tersebut. Tekanan darah dan denyutan jantung diukur bagi pelbagai selang selama 24 jam. Hasil kajian mendapati tidak berlaku sebarang perubahan terhadap tekanan darah sistolik dan diastolik subjek kajian. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan denyutan jantung yang ketara pada setiap setengah jam sehingga dua jam (Endang Kumolosasi et.al 2015).

Durian mengandungi etanol, metanol dan *ethyl metacrylate* serta sebatian seperti sulfur (Layos, J 2016). Isi durian mempunyai bau yang tersendiri disebabkan kandungan bahan kimia sulfur jenis meruap. Kandungan jenis sulfur ini menyebabkan seseorang itu sendawa dan mengeluarkan bau yang kurang menyenangkan setelah memakan buah durian (Zainal Abidin & Zabedah 1999). Selain itu, kandungan etanol dan metanol juga tidak baik terhadap kesihatan terutamanya terhadap pesakit buah pinggang (Weiner, D. E 2013). Kandungan bahan-bahan ini akan menyebabkan kemerosotan fungsi buah pinggang. Apabila buah pinggang gagal berfungsi, seseorang itu memerlukan pemindahan buah pinggang yang baru atau menerima rawatan dialisis darah sepanjang hayat.

Hal ini berlainan dengan buah timun. Jika buah durian merupakan makanan yang dikategorikan sebagai makanan yang berunsur 'panas' dan boleh menyebabkan badan akan panas, timun pula merupakan makanan yang berunsur sejuk dan boleh menjadi penyejuk badan (Anuwar Ismail 2012). Buah timun banyak memberikan manfaat terhadap kesihatan seseorang. Sifat alkali timun menyebabkan ia mampu merawat penyakit yang disebabkan kandungan asid yang berlebihan seperti gastrik, ulser dan gout (Anuwar Ismail 2012). Selain itu, sifat alkali buah ini membantu mengawal penyakit yang melibatkan sistem imun badan (Rios J, L. 2010). Selain faedah untuk sistem kesihatan tubuh, timun juga memberikan khasiat terhadap kesihatan dan kecantikan wajah (Murad, H & Nyn, M. A 2016). Kepingan timun yang diletakkan di lingkaran mata akan berfungsi mengurangkan dehidrasi kulit pada bahagian tersebut serta membantu menghilangkan lingkaran mata yang berwarna gelap (Lopes, L. et.al 2007). Timun juga berfungsi bagi merawat kedutan kulit wajah dan berperanan sebagai pelembab serta pencerah kulit dengan menghalang kehadiran 'tyrosinase' (Hooda, R. 2015).

Di sebalik perumpamaan yang terdapat dalam peribahasa 'bagai durian dengan mentimun', terdapatnya falsafah dan akal budi yang cuba disampaikan oleh masyarakat Melayu. Falsafah dan akal budi yang boleh dicungkil melalui peribahasa ini adalah berkaitan dengan kuasa dan pengaruh. Ketertinggian kuasa dan pengaruh manusia yang berbeza lahir daripada kebolehan, kecerdasan serta

kepetahan lidah untuk kesejahteraan masyarakat di sekeliling. Walau bagaimanapun, bentuk kekuasaan ini hanyalah bersifat sementara yang dipinjamkan oleh Allah untuk menguji ketabahan seseorang itu dalam menunaikan tanggungjawab sebagai seorang pemimpin. Perkara ini telah disebutkan dalam al-Quran dalam surah Al-An'am ayat yang ke 165.

لَعَفُورٌ وَإِنَّهُ الْعَاقِبِ سَرِيْعٌ رَبِّكَ إِنَّ آتَاكُمْ مَا فِي بُلُوْكُمْ لِيَدْرَجَاتٍ بَعْضٌ فَوْقَ بَعْضٍ وَرَفَعِ الْاَرْضَ خَلَايْفَ جَعَلَكُمْ الَّذِي وَهُوَ
رَجِيْمٌ

Maksudnya:

Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaNya, dan sesungguhnya Ia maha pengampun, lagi maha mengasihani.

Kekuasaan yang dimiliki ini tidak seharusnya dijadikan sebagai jalan untuk menindas golongan bawahan serta menyalahgunakan kuasa atau amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Penyelewengan kuasa merupakan kegagalan manusia dalam mengawal hawa nafsu. Sebagai seorang yang mempunyai kuasa yang tertinggi di dalam sesebuah organisasi, semestinya mempunyai hak untuk memutuskan sesuatu keputusan. Walau bagaimanapun, keputusan yang dibuat seharusnya berasaskan integriti. Elemen-elemen integriti yang disandarkan ketika menjalankan tugas, semestinya membantu pengurusan sebuah organisasi secara efisien.

Perihal tentang pemikiran Melayu terhadap kepeimpinan ada disentuh oleh Tenas Effendy melalui bukunya yang bertajuk Kearifan Pemikiran Melayu (2013). Oleh kerana seorang pemimpin/ketua mempunyai pengaruh besar dalam kuasa kepimpinan dalam kehidupan, maka mereka telah diberikan kepercayaan, kekuasaan dan kebebasan untuk melaksanakan hak dan tanggungjawab dalam memimpin rakyat. Namun demikian, kekuasaan dan kebebasan yang diberikan tersebut tidak seharusnya dipergunakan dengan cara yang tidak benar iaitu dengan melanggar acuan syarak dalam agama Islam. Hal ini jelas berdasarkan beberapa ungkapan tersebut iaitu:

Adat memegang kepercayaan orang, jangan sekali main belakang;
Adat memegang kekuasaan, jangan sekali merosakbinasakan;
Adat memegang kebebasan jangan sekali lupa batasan.

Kepimpinan yang mengikut bidang kuasa yang sepatutnya mampu membentuk kesepakatan antara pemimpin dan rakyat di bawah pemerintahannya. Penghayatan terhadap nilai-nilai asas masyarakat yang dipimpin akan menjamin kesejahteraan hidup dan perpaduan rakyat di bawah kepimpinannya. Sebaliknya, apabila seorang ketua/pemimpin tidak adil dalam kepimpinan serta menyalah gunakan kuasa yang diberikan akan membinasakan rakyat serta negeri atau organisasi yang dipimpin.

Walaupun sifat fizikal durian yang keras dan berduri tajam secara zahirnya boleh merosakkan timun, namun perbezaan unsur kedua-duanya iaitu unsur sejuk dan panas boleh menyebabkan kedua-dua buah ini saling melengkapi. Buah durian mampu menjadikan badan seseorang panas, namun dengan memakan buah timun, seharusnya dapat meneutralkan keadaan suhu badan seseorang itu. Begitu juga dalam hubungan kuasa dan pengaruh. Pihak berkuasa boleh memberikan arahan kepada pihak bawahan asalkan tidak bercanggah dengan kuasa pentadbiran. Begitu juga dengan pihak bawahan, yang boleh mendengar arahan, selagi tidak bertentangan dengan hak dan peraturan. Hal ini jelas seperti yang terkandung dalam surah An-Nisa ayat yang ke 59 yang menitikberatkan keseimbangan dengan memerintahkan umatNya supaya taat kepada pemimpin yang dilantik.

شَيْءٍ فِي تَنَازَعْتُمْ فَبِإِنَّ مِّنْكُمْ أَمْرٌ وَأُولَى الرَّسُولِ وَأَطِيعُوا اللَّهَ أَطِيعُوا الَّذِينَ آمَدُوا الَّذِينَ أَيُّهَا يَا تَأْوِيلًا وَأَحْسَنُ خَيْرٌ ذَلِكَ َ الْآخِرِ وَالْيَوْمِ بِاللَّهِ تُوْمِدُونَ كَذَّبْتُمْ إِنَّ وَالرَّسُولِ اللَّهُ إِلَى فَرْدُوهُ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.

Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih elok pula kesudahannya.

5. Implikasi Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis yang dilakukan, peribahasa yang berasaskan kombinasi objek ‘durian-timun’ menunjukkan unsur pertentangan bagi maksud yang disampaikan. Rajah 5 menunjukkan gambaranapatan kajian bagi dualisme ‘durian-timun’.



Rajah 5 Visual dualisme pertentangan ‘durian-timun’ dalam peribahasa

Kombinasi ‘durian-timun’, telah merefleksikan domain [+KUASA] dalam elemen pemaknaannya. Perbezaan struktur kedua-dua buah ini menyebabkan masyarakat Melayu merefleksikan pertentangan kuasa (KUAT-LEMAH) bagi kombinasi ‘durian-timun’. Durian telah direfleksikan sebagai kuasa [+KUAT], manakala timun pula telah direfleksikan sebagai kuasa [-KUAT]. Perbezaan unsur iaitu panas (durian) dan sejuk (timun) menjadi salah satu fitur yang mendorong masyarakat Melayu mengabstraksi kedua-dua objek ini menjadi perlambangan bagi elemen pertentangan.

6. Kesimpulan

Kepintaran dan kefahaman masyarakat Melayu meluahkan kata-kata melalui janaan idea bersumberkan sesuatu yang ada dikeliling mereka dibuktikan dengan kewujudan beribu-ribu rangkaian peribahasa. Kekreatifan masyarakat Melayu dalam berbahasa menunjukkan bahawa akal budi Melayu yang sangat tinggi. Masyarakat Melayu cekap dalam memahami kandungan atau sifat sesuatu benda. Kombinasi objek yang dipilih dalam peribahasa mempunyai pewajaran yang tersendiri serta dimotivasikan oleh proses perlambangan tertentu pada peringkat kognitif penutur. Kewujudan peribahasa Melayu bukan setakat menyampaikan makna melalui konsepsi sifat abstrak kepada konkrit, tetapi sebaliknya mengandungi falsafah dan akal budi masyarakat Melayu.

Rujukan

Al-Quran. Surah Al-An’am: 165

Al-Quran. Surah An-Nisa: 59

Abdullah Hassan. 1993. Bahasa Kiasan. *Jurnal Dewan Bahasa* 37 (10):907-913.

Ahmad Fuad Mat Hassan & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2010. Pengkategorian

Peribahasa Melayu Berdasarkan Aspek Nilai dan Pemikiran: Satu Analisis Pragmatik.
<http://sastra.um.ac.id/wp-content/uploads/2010/01> [10 Februari 2016].

Anon. 2011. Tanam timun cara mudah. <http://ww1.utusan.com.my/> [3 Oktober 2017].

Anuwar Ismail. 2012. *10 Buah-buahan Kegemaran Nabi*. Desa Melawati: Ana Muslim Sdn Bhd.

Charteris-Black, J. 2000. Figuration, lexis and cultural resonance: A corpus based study of Malay. *Journal of Pragmatic*. 10(3): 281-300.

Endang Kumolosasi, Teh Siew Gyn, Ahmad Hasnan Mansor, Mohd Makmor, Norazrina & Firmanto, B.H. 2011. *Sukses Bertanam Padi Secara Organik*. Bandung: Angkasa.

Goddard, C. 2009. Like a Crab Teaching Its Young to Walk Straight. Dlm. *Senft, G & Basso, E.B. (penyt.). Ritual Communication*, hlm: 103-119. London: Bloomsbury Publishers.

Hasmidar Hassan & Jafizah Jaafar. 2016. Penginterpretasian Peribahasa dan Hubungan dengan Kemahiran Berfikir: Analisis Berdasarkan Teori Relevans. *Jurnal Bahasa* 16 (1): 94-119.

Hassan Ahmad. 2003. *Metafora Melayu: Bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan membentuk epistemologinya*. Siri Monograf Akademi Kajian Ketamadunan. Bangi. Akademi Kajian Ketamadunan.

Hean Chooi Ong. 2003. *Sayuran: Khasiat makanan & ubatan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Hooda, R. 2015. Antiwrinkle herbal drugs. *Journal of Pharmacognosy and Phytochemistry* 4(4): 277-281.

Imran Ho Abdullah. 2011. Analisis kognitif semantik peribahasa Melayu bersumberkan anjing (canis familiaris). *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies*. 11(1): 125 – 141 <http://www.ukm.my/ppbl/Gema> [15 September 2017].

Indirawati Zahid. 1998. Peribahasa Melayu: satu klasifikasi yang tiada penentu. *Dewan Bahasa* November: 978-984.

Iskandar. 2015. *Tanam Sendiri Timun Edisi Sendiri*. Iskandar Ab Rashid Sdn. Bhd.
Ismet Fanany & Rebecca Fanany. 2003. *Wisdom of the Malay Proverbs*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Julaina, Nor Hashimah & Junaini. 2017. Elemen dualisme dalam peribahasa: pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 10 (1): 66-88

Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Istimewa Peribahasa Melayu. 1975: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/.

Layos, J. 2016. Side Effects Dangers of Eating Fruits Durian Can Be Deadly. <http://thebenefitsoffruits.blogspot.my/2016/03/side-effects-dangers-of-eating-fruits.html> (18 Ogos 2017).

- Lopes, L., Speretta, F. & Bentley M. 2007. Enhancement of skin penetration of vitamin k using monoolein-based liquid crystalline systems. *European Journal of Pharmaceutical Sciences* 32(3):209-215.
- Murad, H & Nyn, M.A. 2016. Evaluating the Potential Benefits of Cucumbers for Improved Health and Skin Care. *Journal of Aging Research & Clinical Practice* 5 (3): 139-141.
- Nathesan, S. 1998. Simpulan bahasa: satu tinjauan dari sudut makna. *Dewan Bahasa* November: 985-994.
- Norhayati & Free Hearty. 2016. *Kajian Perempuan Malaysia-Indonesia dalam Sastera*. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Rios J, L. 2010. Effects of triterpenes on the immune system. *Journal of Ethnopharmacology* 128(1):1-14.
- Rogayah Othman. 2011. Peluasan Makna Pancaindera Hidung, Mata dan Mulut dalam Melayu: Kajian Semantik Kognitif. Tesis Dr Fal, Program Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salinah. 2005. Fungsi Leksikal “Bunga” dalam Simpulan Bahasa dan Peribahasa Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa* 5 (4): 40-66.
- Sarah Syakira. 2016. 9 Side Effects of Eating Durian, Endangering the Life. <https://www.thehealthbenefitsof.com/> [10 September 2017]
- Suranant, S. & Saichol, K. 2001. *Durian: king of tropical fruit*. University of Wisconsin: D. Brasell.
- Tenas Effendy. 2013. *Kearifan Pemikiran Melayu*. Riau: Tenas Effendy Foundation.
www.malaycivilization.ukm.com.
- Weiner, D. E. 2013. *National Kidney Foundation Primer on Kidney Diseases*. United Kingdom: Elsevier Health Sciences.
- Zainal Abidin & Zabedah. 1999. *Durian*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan pustaka.
- Zaitul Azma & Ahmad Fuad. 2011. Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu *Journal of Language Studies* 11(3): 31-51.